

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), seramai 2,679 orang pelajar asing telah ditangkap kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 dari tahun 2013 sehingga 31 Mac 2015. Daripada jumlah tersebut, didapati bahawa seramai 87 orang pelajar telah menyalahgunakan Pas Pelajar mereka dengan melakukan kesalahan di bawah Peraturan 39(b) Peraturan-peraturan Imigresen 1963.

Manakala, seramai 205,236 orang warga asing telah ditangkap kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 dari tahun 2013 hingga 6 Mei 2015. Daripada jumlah tersebut didapati bahawa seramai 19,536 orang warga asing telah menyalahgunakan Pas Lawatan Sosial mereka dengan melakukan kesalahan di bawah Peraturan 39(b) Peraturan-peraturan Imigresen 1963.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, seramai 6 orang pelajar dan 20 orang warga asing dari benua Afrika telah menyalahgunakan Pas Pelajar/ Pas Lawatan Sosial mereka.

Bagi menjawab soalan (b), berdasarkan statistik oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) didapati kes jenayah di kalangan pelajar asing terutamanya warganegara Afrika semakin berkurangan.